

ANALISIS HADIS PERLUMBAAN MEMBINAMASJID DALAM DRAMA “TANAH KUBUR”

**Abur Hamdi Usman^{1*}, Mohd Norzi Nasir¹, Ahmad A'toa
Mokhtar¹, Bahtiar Mohd Nor², & Muhammad Fakhrrur Razi
Shahabudin¹**

¹ Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

² Faculty of Management & Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Abur Hamdi Usman. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: aburhamdi@kuis.edu.my.

Abstrak

Pembikinan drama Melayu semakin mendapat tempat di hati masyarakat, bahkan hampir semua golongan menonton drama bermula dari kanak-kanak sehingga warga emas. Pelbagai genre dan karya dipersembahkan dan dipertontonkan kepada masyarakat sehingga terpukau lalu bermain dengan emosi mereka. Sehubungan dengan itu, artikel ini menganalisis babak dalam drama Melayu yang mempersembahkan isu pembinaan masjid yang megah dan cantik. Isu ini agak jarang dibincangkan oleh sarjana, sedangkan terdapat hadis khusus yang membicarakan berkaitan larangan pembinaan masjid berhias dengan tujuan riyak. Dengan menggunakan metode kualitatif, artikel ini menganalisis hadis yang digunakan sebagai hujah penyokong dalam drama Melayu. Huraianannya merangkumi analisis status hadis serta perbincangan pandangan sarjana Islam. Kajian mendapati keberkesanan medium drama diiktiraf kerana kemampuannya dalam menyumbang mesej yang baik dan bermanfaat kepada masyarakat Islam. Selain itu, tiga buah hadis yang menjadi perbincangan adalah berstatus sahih.

Kata kunci: Drama; Melayu; Masjid; Adab; Hadis; Sahih

**(ANALYSIS ON HADITHS ACCORDING TO COMPETITION OF
MOSQUE BUILDING IN DRAMA “TANAH KUBUR”)**

Abstract

*The creation of Malay drama is getting a place in the hearts of the people, and almost everybody is watching the drama from childhood until the elderly. Various genres and works are presented to the public until they are mesmerized and play with their emotions. In this regard, this article analyses the scene in the Malay drama that presents the issue of building a magnificent and beautiful Mosque. This issue is rarely discussed by the scholar, while there is a specific hadith that deals with the ban on the construction of a decorated mosque with the purpose of *riya'* (insincerity and pretentiousness). By applying the qualitative method, this article reviews on the hadiths used as a supporting argument in the Malay drama. The description includes an analysis of the status of the hadith and the debate of Islamic scholars. The study found that the medium of drama performance was recognised because of its ability to contribute good messages to the Muslim community. In addition, three hadiths representing the discussion are authentic.*

Keywords: *Drama; Malay; Mosque; Ethics; Hadith; Authentic*

Received: December 27, 2018

Accepted: April 3, 2019

Online Published: June 13, 2019

1. Pendahuluan

Masjid merupakan rumah ibadah khas bagi penganut agama Islam di seluruh dunia, institusi ini memainkan peranan yang sangat besar dalam menyatupadukan umat Islam setempat (Budi, 2005). Pembangunan masjid sehingga ke hari ini masih lagi dibangun ke seluruh pelusuk dunia, dan Malaysia antara negara yang pesat berkembang pembangunan dan kegiatan masjidnya (Idrus, Khamidi, & Sodangi, 2010). Islam sebagai agama persekutuan menguatkan lagi sebab masjid perlu diimarahkan sesuai dengan objektif untuk mencapai keredaan Allah SWT. Masjid memainkan peranan penting dalam banyak hal berkaitan kemasyarakatan, antaranya majlis pernikahan, majlis khitan beramai-ramai, majlis tadarus al-Quran, majlis khatam al-Quran, majlis penyampaian bantuan zakat, kursus ibadah haji dan umrah, program wacana ilmu, dan sebagainya (Adil, Mohd-Sanusi, Jaafar, Khalid, & Aziz, 2013). Ini menjadi contoh usaha ahli kariah untuk mengimarahkan masjid sesuai dengan kepentingannya dalam masyarakat.

Pembinaan masjid adalah satu usaha yang baik dalam menyebarkan Islam pada seluruh Muslim di Malaysia, di samping memberi kemudahan dan keselesaan kepada orang Islam untuk mendirikan solat lima waktu, masjid juga memainkan peranan yang holistik kepada umat Islam (Baharudin & Ismail, 2016). Perkembangan pembangunan dan pembinaan masjid dilihat banyak memberi manfaat yang positif kepada masyarakat, namun tidak dinafikan keberadaan masjid yang banyak sekadar menjadi hiasan di sebahagian tempat. Hakikat ini membuktikan bahawa kebanyakan masjid dibina untuk dijadikan sebagai tarikan pelancong (Kessler, 2015), dan ini telah menyimpang dari matlamat asal pembinaan masjid tersebut. Fenomena yang berlaku ini turut ditonjolkan di dalam drama-drama yang ditayangkan di televisyen, antaranya ialah *Tanah Kubur*. Oleh itu, artikel ini menganalisis drama *Tanah Kubur* yang membawakan tajuk dan mesej berkaitan ‘Masjid Berhias’, yang mana ianya sangat sinonim dengan situasi di negara

Malaysia. Analisis hadis dan mesej tersirat yang terdapat pada babak dalam drama menjadi perbincangan utama dalam artikel ini.

2. Masjid sebagai Institusi Agama

Kegemilangan tamadun Islam berkait rapat dengan unsur pendidikan dan ilmu pengetahuan. Penubuhan negara Islam Madinah oleh Rasulullah SAW menyaksikan bagaimana masjid dinobatkan sebagai sebuah institusi pendidikan dari segi rohani dan jasmani hingga menjadi mercu tanda keagungan peradaban dan kedaulatan umat Islam (Mustari & Jasmi, 2008).

Masjid berasal dari perkataan bahasa Arab yang terbit daripada kata dasar *sajada* bererti sujud (Razak, et. al., 2014). Penambahan awal huruf *mim* sebagai indikator tempat menjadikan maksud masjid sebagai tempat orang-orang Islam sujud menyembah Allah SWT (Laugu, 2007). Manakala dari segi syarak membawa maksud setiap tempat di permukaan bumi yang bersih yang boleh dijadikan tempat bersujud atau bersembahyang (Ibrāhīm al-Maqdīsī, t.th.; Parkin, 2018).

Sejarah mencatatkan bahawa pada masa permulaan perkembangan Islam ke pelbagai negeri, bila umat Islam menetap di suatu daerah baru, maka salah satu saranan untuk kepentingan umum yang mereka buat adalah masjid (Budi, 2004). Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan umat Islam dari Makkah ke Madinah pada tahun pertama Hijrah (622M) merupakan sejarah awal bermula pembinaan masjid Quba' (Michalopoulos, Naghavi, & Prarolo, 2016). Masjid juga merupakan pusat pembentukan masyarakat (McLoughlin, 1998) yang mampu memainkan peranan dalam memperkasakan syiar Islam. Sejarah membuktikan bahawa masjid menjadi tempat penumpuan kepada aktiviti pembangunan ummah serta tempat menyuburkan ikatan persaudaraan dalam kalangan Muhajirin dan Ansar. Masjid Quba' merupakan masjid yang pertama dibina pada hari pertama Rasulullah SAW tiba di Madinah (Raj, 2012), dan diikuti masjid Nabawi bukan sahaja menjadi tempat umat Islam menunaikan ibadat solat, bahkan turut menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan, pusat kemajuan ekonomi ummah, pusat perjumpaan komuniti dan sebagainya (Hegazy, 2014).

Fungsi masjid di zaman Rasulullah SAW adalah sebagai tempat pembentukan peribadi umat Islam, atau dalam erti kata lain masjid adalah pusat pendidikan Islam dalam pelbagai bidang, seperti akidah, syariah dan akhlak. Dengan begitu, institusi masjid berperanan sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan (Kadi, 2006). Contohnya Masjid al-Nabawi dijadikan sebagai pusat pembelajaran. Pada serambi bahagian sisi atau anjung masjid dijadikan sebagai ruangan tambahan bagi pencinta-pencinta ilmu untuk berkumpul menuntut ilmu. Untuk melaksanakan konsep masjid sebagai sebuah institusi, maka umat Islam perlu mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan dan menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan Islam yang merangkumi semua kegiatan yang boleh diterjemahkan sebagai ibadah (Rasdi & Utaberta, 2012). Pembangunan masyarakat tidak hanya tertumpu kepada soal akhlak atau memfokuskan pada program-program keagamaan semata-mata, malah untuk menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat yang terulung, masjid harus memahami kehendak masyarakat semasa.

Dalam erti kata lain, segala aktiviti kemasyarakatan bermula di masjid (Özaloglu & Gürel, 2011) sebagaimana masjid di zaman Rasulullah SAW. Aktiviti-aktiviti pembangunan sosial masyarakat diadakan bagi mengeratkan tali silaturahim sesama ahli kariah dengan institusi masjid (Zhai & Ng, 2013). Hal ini membuktikan bahawa tidak semua aktiviti dapat dilakukan di dalam masjid, tetapi pihak pengurusan masjid boleh menganjurkan sesuatu program yang diadakan di luar masjid.

3. Penggunaan Hadis dalam Drama Tanah Kubur Episod 13

Drama *Tanah Kubur* episod 13 menceritakan tentang seorang individu yang kaya, iaitu Tok Mat yang berhasrat untuk membina masjid di dalam kampungnya. Namun, dalam mesyuarat bersama AJK kampung, Tok Adi tidak bersetuju dengan cadangan tersebut, kerana mengambil kira jumlah ahli qariah yang tidak begitu ramai, serta terdapat juga dua buah masjid lain di dalam kampung tersebut. Namun begitu, Tok Mat berhujah bahawa pembinaan masjid dengan dana kewangannya sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada pihak lain. Beliau hanya memerlukan persetujuan daripada semua pihak. Dengan begitu, sebahagian orang kampung menyokong hasrat Tok Mat, kerana idea membina masjid yang megah adalah salah satu tarikan pelancong bagi meningkatkan pendapatan ekonomi mereka. Walau bagaimanapun, Tok Adi tidak bersetuju dengan cadangan tersebut, kerana niat Tok Mat untuk membina masjid yang cantik bagi tujuan tarikan pelancong hanyalah sekadar untuk mengaut keuntungan duniawi.

Berdasarkan perjalanan cerita drama tersebut, mesej yang ingin ditonjolkan dalam drama pada episod ini sangat menepati makna hadis yang dijadikan sebagai hujah oleh penerbit, iaitu:

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَبْنَاهِيَ النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ.

[Abū Dāwud, Sunan Abū Dāwud, *Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Fī Binā' al-Masājid*, No 449]

Maksudnya:

Daripada Anas RA bahawa Nabi SAW bersabda: “Tidak akan tiba Hari Kiamat sehingga manusia bermegah-megahan dalam membina Masjid.”

Abū al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Haq al-‘Azīm Abādī (1857-1911) yang menghuraikan kitab *Sunan Abū Dāwud* menjelaskan bahawa maksud “*manusia bermegah-megahan dalam membina masjid*” adalah bermegah-megahan dalam rupa bentuk atau pembinaannya. Setiap orang menunjuk-nunjuk masjid yang dibinanya dan berkata bahawa “*masjidku lebih tinggi, lebih indah, lebih luas, lebih baik*” dengan tujuan riyak (al-‘Azīm Abādī, 1995/1 91). Tidak dapat dinafikan bahawa masjid merupakan institusi ibadah yang memainkan peranan penting dan menjadi sumber kekuatan perpaduan umat Islam (Asif, et. al., 2015). Namun, dalam beberapa hal ada segelintir perkara yang menjadikan masjid sebagai fitnah akhir zaman, sebagaimana yang digambarkan dalam drama *Tanah Kubur* episod ke-13 arahan Rashid Sibir. Perincian ringkas plot drama tersebut adalah seperti berikut:

Episod	: 13 (tiga belas)
Judul	: Masjid Berhias
Babak	: Selepas montaj/intro
Lokasi/latar	: Gambar suasana kubur
Masa	: 00:00:14 - 00:00:19
Senario	: Menggunakan teks dan latar gambaran suasana perkuburan Islam
Teks Hadis	: Rasulullah Saw Bersabda Yang Bermaksud: <i>Tidak berlaku (terjadi) hari qiamat sehingga umat ku bermegah-megah (dengan binaan) masjid.</i>

Hujah penggunaan hadis dalam drama ini dapat dikukuhkan dengan ayat al-Quran yang memerintahkan umat Islam untuk memakmurkan masjid. Allah SWT berfirman dalam surah al-Tawbah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْزُمُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ
فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang suka mengimarahkan masjid hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan percaya kepada hari akhirat, mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan orang yang tidak takut selain Allah. Mudah-mudahan itulah orang yang akan mendapat petunjuk.

Ayat ini menunjukkan ciri-ciri umat Islam yang mendapatkan petunjuk Allah SWT, iaitu sentiasa memakmurkan masjid. Orang yang tidak beriman kepada Allah SWT dan hari Akhirat tentu tidak akan tergetar hatinya untuk meramaikan masjid. Usaha pengimarahkan masjid bukan sahaja terhad kepada amalan ibadat khusus sahaja bahkan mengoptimalkan fungsinya sebagai sebuah institusi pembangunan masyarakat (Longhurst, 2012). Muslim perlu berkhidmat kepadanya, memelihara dan menjaganya, membersihkan dan membetulkan jika ada bahagian masjid yang rosak, serta mencukupkan mana yang kurang. Masjid juga merupakan jambatan memperkukuhkan persaudaraan, kesefahaman, kecintaan sesama umat Islam dalam menghayati ajaran Islam (Hamka, 1984). Fungsi dan peranan masjid perlu digerakkan agar ia bukan sahaja menjadi tempat yang sepi, kosong dan sunyi kecuali pada waktu-waktu tertentu sahaja. Jangan sampai umat merasa gah dengan kemodenan dan kecanggihan masjid, tetapi tidak dapat dimaksimumkan penggunaannya (Mustari, et. al, 2017).

4. Analisis Hadis “Larangan Membina Masjid”

Hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abū Dāwud pada perbincangan sebelum ini membuktikan bahawa pembinaan masjid yang megah adalah termasuk salah satu daripada tanda kiamat. Namun begitu, makna hadis ini tidak dapat dijadikan sebagai hujah bagi sebahagian orang yang melarang membina masjid dengan cantik berhias. Hal ini kerana sejarah membuktikan bahawa semenjak dahulu, selain digunakan sebagai tempat ibadah, pendidikan (Al-Krenawi, 2016), masjid juga menjadi simbol kemajuan peradaban Islam (Triandafyllidou & Gropas, 2009). Semakin canggih masjid yang dibina menunjukkan tingginya sebuah peradaban.

Pada hakikatnya, yang dikritik bukan pembinaan masjid megah, tetapi tujuan atau maksud di sebalik pembinaannya. Amat membimbangkan apabila masjid yang telah dibina, tetapi tiada aktiviti keagamaan yang dilaksanakan sehingga menyebabkan jumlah jemaah yang kian merosot. Perkara inilah yang menjadi mesej utama yang disampaikan dalam hadis di atas. Hal ini turut dibuktikan dengan hadis sahih lainnya, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ يَبَاهُونَ بِالْمَسَاجِدِ لَا يَعْمُرُونَهَا إِلَّا قَلِيلًا ، أَوْ
قَالَ : يَعْمُرُونَهَا قَلِيلًا.

[Ibn Khuzaimah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaimah, Kitāb al-Ṣalāh, Jummā' Abwāb Faḍā'il al-Masājid wa Binā'ihā*, no. hadis 1260]

Maksudnya:

Akan datang suatu masa di mana ramai orang yang membina masjid megah namun orang yang memakmurkannya sangat sedikit.

]

Berkaitan dengan itu, menghias masjid atau membinanya dengan megah menurut sebahagian ulama adalah dibolehkan. Hal ini merupakan sebahagian daripada kaedah ke arah memakmurkan masjid. Namun begitu, yang perlu dielakkan ialah tujuannya bukan hanya difokuskan kepada rupa bentuk fizikal masjid sahaja untuk tarikan pelancong (Battour, Ismail, & Battor, 2011), tetapi perlu juga mengambil berat berkaitan aktiviti sosial keagamaan yang bermanfaat kepada masyarakat (Borell & Gerdner, 2011). ‘Abd al-Ra’ūf ibn Tāj al-‘Arifn al-Munāwī (1545-1621) dalam kitabnya *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi’ al-Ṣaghīr* menjelaskan bahawa (al-Munāwī, 1978):

وما كل علامة على قرب الساعة تكون مذمومة، بل ذكر لها أمورًا ذمها كارتفاع الأمانة، وأمورًا حمدها كترخفة المساجد، وأمورًا لا تُحمد ولا تُذم كنزول عيسى

“Tidak semua tanda kiamat tercela. Terdapat tanda-tanda yang tercela seperti hilangnya amanah, dan terdapat juga tanda-tanda yang terpuji seperti menghiasi masjid, dan ada juga tanda yang tidak dipuji dan tidak pula dicela seperti turunnya Nabi Isa AS.”

Dengan begitu, perkara ini amat berkaitan dengan urusan niat, sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَّا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَاجَرَتْهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوَّجُهَا فَهَاجَرَتْهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Imārah, Bāb Qawlih Ṣallallāh ‘Alayh Wasallam Innamā al-A’māl bi al-Niyāt...*, no. hadis 1907]

Maksudnya:

Daripada ‘Umar ibn Al-Khaṭṭāb RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya setiap perbuatan tergantung niatnya. Dan sesungguhnya setiap orang (akan dibalas) berdasarkan apa yang dia niatkan. Siapa yang hijrahnya kerana (ingin mendapatkan keredhaan) Allah SWT dan RasulNya, maka hijrahnya kepada (keredhaan) Allah SWT dan RasulNya. Dan siapa yang hijrahnya kerana menginginkan kehidupan yang layak di dunia atau kerana wanita yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya (akan bernilai sebagaimana) yang dia niatkan.

Niat menurut istilah yang diberikan oleh Imam Abū Zakaria Yahyā Ibn Sharaf al-Nawawī (1233-1277) ialah (al-Nawawī, t.th. 1/353):

النِّيَّةُ عَزْمُ الْقَلْبِ عَلَى عَمَلٍ فَرَضٍ أَوْ غَيْرِهِ

“Niat adalah keazaman (tekad) di dalam hati di atas setiap perkara yang fardhu dan selain daripadanya (wajib).”

Oleh itu, niat bermaksud lintasan hati dalam ketika ingin melakukan sesuatu perkara. Faedah yang dapat dipetik daripada hadis yang diriwayatkan oleh ‘Umar ibn Al-Khaṭṭāb RA antaranya: Niat memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan halatuju atau tujuan bagi setiap amalan (Khalil & Abu-Saad, 2009). Niat yang betul bagi seorang mukmin itu amat penting dalam melaksanakan sesuatu perkara agar setiap yang dilakukan itu mendapat ganjaran di sisi Allah SWT (Bukhari, Saeed, & Nisar, 2011). Kadang-kadang amalan juga boleh berlaku riyak, ujub dan sifat-sifat dicela yang lain, untuk itu harus berjaga-jaga dalam setiap amalan supaya terhindar daripada sifat-sifat yang dicela tersebut. Niat juga menjadi kayu ukur bagi penerimaan sesuatu amalan (Zaidi, 2014).

Niat yang baik membuahkan hasil yang baik, begitu juga situasi yang dilakokan dalam drama *Tanah Kubur*, niat yang salah selalunya bermatlamatkan kepentingan dan keuntungan untuk diri sendiri. Tanpa disedari sesuatu amalan yang boleh menjadi ibadah akhirnya menimbulkan ujub dan riyak dalam diri. Dan amalan yang tidak dihiasi dengan ikhlas tidak memberi keuntungan di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Zumar ayat 11:

قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad SAW): “Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah SWT dengan mengikhhlaskan segala ibadah hanya kepadaNya”.

Selain itu, umat Islam perlu cakna dengan tegahan daripada Rasulullah SAW berkaitan riyak dalam sabdanya:

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ لَبِيدٍ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمُ الشَّرْكَ الْأَصْغَرَ ، قَالَ : وَمَا الشَّرْكَ الْأَصْغَرُ ؟ قَالَ : الرِّيَاءُ

[al-Baghawī, *Sharḥ al-Sunnah, Kitāb al-Riqāq, Bāb al-Riyā’ wa al-Sum’ah*, no. hadis 4052]

Maksudnya:

Daripada Maḥmūd ibn Labīd, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Sesuatu yang paling aku khawatirkan daripada kamu ialah syirik kecil.” Sahabat bertanya: “Apakah syirik kecil itu? Baginda SAW bersabda: “Itulah riyak”.”

Riyak dalam ibadah menjadi satu penghalang antara ikhlas dan amal ibadah. Menunjukkan betapa niat dan ikhlas perlu berpaut di antara satu sama lain. Kerana niat dalam agama cenderung ke arah kebaikan dan menafikan keburukan. Dan berdasarkan ayat di atas, menunjukkan betapa celaka orang yang riyak dan bangga diri dalam ibadahnya (Abdulahi, 2016). Kerisauan Nabi SAW terhadap sifat riyak disebabkan penyakit hati ini mudah menyerang setiap insan disebabkan jiwa manusia memiliki kecenderungan suka menerima pujian dan kedudukan tinggi di hadapan orang lain. Sehubungan dengan itu, Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ma‘un ayat 4-6:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ هُمْ يُرَآؤُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang Ahli Sembahyang. (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya; (Juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riyak (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya).

Justeru, riyak bukan sekadar boleh menyebabkan seorang terjebak dalam dosa, ia sebenarnya boleh menyebabkan amalan tidak diterima Allah SWT. Amal seseorang diterima Allah SWT harus memenuhi dua syarat iaitu niat ikhlas semata-mata demi Allah SWT dan dilakukan sesuai dengan tuntutan syarak. Allah SWT berfirman dalam surah Surah al-Kahfi ayat 110:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ
عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۚ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

Maksudnya:

Barangsiapa berharap akan menemui Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal soleh dan jangan mempersekutukan dalam menyembah Tuhannya dengan suatu apa pun.

Sebenarnya jika seseorang ikhlas dalam beramal tanpa mengharap habuan dunia, maka dunia akan datang dengan sendirinya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Anas ibn Malik RA:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ كَانَتْ الْآخِرَةُ هَمَّهُ جَعَلَ اللَّهُ غِنَاهُ فِي قَلْبِهِ ، وَجَمَعَ لَهُ شَمْلَهُ ، وَأَتَتْهُ الدُّنْيَا وَهِيَ رَاغِمَةٌ ، وَمَنْ كَانَتْ الدُّنْيَا هَمَّهُ جَعَلَ اللَّهُ فَقْرَهُ بَيْنَ عَيْنَيْهِ ، وَفَرَّقَ عَلَيْهِ شَمْلَهُ ، وَمَا يَأْتِيهِ مِنَ الدُّنْيَا إِلَّا مَا قُدِّرَ لَهُ .

[al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Kitāb Şifah al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq...*, Bāb Minh, no. hadis 2402, sahih]

Maksudnya:

Barangsiapa yang niatnya adalah untuk menggapai akhirat, maka Allah SWT akan memberikan kecukupan dalam hatinya, Dia akan menyatukan keinginannya yang tercerai berai, dunia pun akan dia peroleh dan tunduk hina padanya. Barangsiapa yang niatnya adalah untuk menggapai dunia, maka Allah SWT akan menjadikan dia tidak pernah merasa cukup, akan menceraikan beraikan keinginannya, dunia pun tidak dia peroleh kecuali yang telah ditetapkan baginya.

Berdasarkan hadis yang telah dibincangkan, dapatan kajian ini membawakan tiga hadis yang sesuai dan berkaitan dengan mesej dari drama *Tanah Kubur* pada episod ke-13 iaitu *Masjid Berhias*. Martabat hadis pada ketiga-tiga hadis berstatus sahih dan dapat dijadikan dalil dalam sesuatu amalan atau larangan.

5. Kesimpulan

Drama *Tanah Kubur* episod ke-13 membawa satu mesej yang jelas kepada umat Islam berkaitan memakmurkan masjid. Usaha mulia ini bukan sekadar membangunkan prasarana dan menghiasinya semata-mata, bahkan yang lebih dituntut adalah memanfaatkannya dengan aktiviti ibadah dan sosial kemasyarakatan. Perbincangan hadis dalam episode ini didapati menepati pendalilan hadis dan mempunyai kesinambungan dengan makna hadis yang tersirat dan tersurat. Betapa isu pembinaan masjid yang tidak menepati tujuan asalnya mampu mendatangkan kesan kesan yang negatif kepada masyarakat, dan menjadi salah satu tanda hampirnya kedatangan hari kiamat. Oleh itu, lakonan dalam drama Melayu ini dinilai dapat memberi kesedaran dan pengetahuan kepada umat Islam berkaitan larangan membina masjid yang gah dan cantik dengan tujuan riyak, yang pada akhirnya binaan tersebut menjadi fitnah kepada umat Islam.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian bertajuk “Analisis Kedudukan Hadis dalam Drama Melayu”. Penulis mengisytiharkan penerimaan sokongan kewangan daripada pihak berikut untuk penyelidikan, karangan, dan / atau penerbitan artikel ini. Artikel ini di bawah sokongan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KUIS bagi kod dana Geran Penyelidikan Insentif KUIS: 2017/P/GPIK/GPM-001.

RUJUKAN

- Abdulah, H. A. (2016). Islamic Ethics: An Outline of its Concept and Essence (II). *Revelation and Science*, 6(2).
- Abū Dāwud, A. (1995). *Sunan Abū Dāwud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Adil, et. al. (2013). Financial Management Practices of Mosques in Malaysia. *GJAT*, 3(1), 23-29.
- al-‘Azīm Abādī, A. (1995). *‘Awn al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abū Dāwud*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Baghawī, H. (1983). *Sharḥ al-Sunnah*. Beirut: al-Maktab a-Islami.
- Al-Krenawī, A. (2016). The role of the mosque and its relevance to social work. *International Social Work*, 59(3), 359-367.
- al-Munāwī, T. (1978). *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Tirmidhī, A. I. (t.th.). *Sunan al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawawī, Y. (t.th.). *Al-Majmū’ Sharḥ Al-Muhadhdhab*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Asif, N., et. al. (2015). Inactive Mosques: The Crisis of Contemporary Muslim Communities. *Adv. Environ. Biol*, 9(95), 367-370.
- Baharudin, N. A., & Ismail, A. S. (2016). Architectural Style of Da’wah Mosque in Malaysia: From Vernacular to Modern Structures. *International Journal of Built Environment and Sustainability*, 3(2).
- Battour, M., Ismail, M. N., & Battor, M. (2011). The impact of destination attributes on Muslim tourist's choice. *International Journal of tourism research*, 13(6), 527-540.

- Borell, K., & Gerdner, A. (2011). Hidden Voluntary Social Work: A Nationally Representative Survey of Muslim Congregations in Sweden. *British Journal of Social Work*, 41(5), 968-979.
- Budi, B. S. (2004). A Study on the History and Development of the Javanese Mosque. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*, 3(1), 189-195.
- Budi, B. S. (2005). A Study on the History and Development of the Javanese Mosque: Part 2: The Historical Setting and Role of the Javanese Mosque under the Sultanates. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*, 4(1), 1-8.
- Bukhari, T. A. S., Saeed, M. M., & Nisar, M. (2011). The Effects of Psychological Contract Breach on Various Employee Level Outcomes: The Moderating Role of Islamic Work Ethic and Adversity Quotient. *African Journal of Business Management*, 5(21), 8393-8398.
- Hegazy, O. (2014). Towards A Contemporary Mosque: Rethinking the Prophet-Mosque in Medina Via Applying Socio-Semiotics. *International Journal of Religion & Spirituality in Society*, 4(1).
- Ibn Khuzaimah, A. (2003). *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaimah*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.
- Ibrāhīm al-Maqḍīsī, B. (t.th.). *al-'Uddah Sharḥ al-'Umdah*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Idrus, A., Khamidi, F., & Sodangi, M. (2010). Maintenance Management Framework for Conservation of Heritage Buildings in Malaysia. *Modern Applied Science*, 4(11), 66.
- Kadi, W. (2006). Education in Islam—Myths and Truths. *Comparative Education Review*, 50(3), 311-324.
- Kessler, K. (2015). Conceptualizing Mosque Tourism: A Central Feature of Islamic and Religious Tourism. *International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage*, 3(2), 2.
- Khalil, M., & Abu-Saad, I. (2009). Islamic Work Ethic Among Arab College Students in Israel. *Cross cultural management: An international Journal*, 16(4), 333-346.
- Laugu, N. (2007). The Roles of Mosque Libraries Through History. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 45(1), 91-118.
- Longhurst, C. E. (2012). Theology of a Mosque: The Sacred Inspiring Form, Function and Design in Islamic Architecture. *Lonaard Journal*, 2(8).
- McLoughlin, S. (1998). The Mosque-Centre, Community-Mosque: Multi-Functions, Funding and the Reconstruction of Islam in Bradford. *Scottish Journal of Religious Studies*, 19, 211-228.
- Michalopoulos, S., Naghavi, A., & Prarolo, G. (2016). Islam, Inequality and Pre-Industrial Comparative Development. *Journal of Development Economics*, 120, 86-98.
- Muslim, H. (2005). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Mustari, et. al. (2017). Membangun Potensi Masjid Sebagai Sebuah Institusi Pendidikan Islam & Masyarakat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(2), 2017, 46-58.
- Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Özaloglu, S., & Gürel, M. Ö. (2011). Designing Mosques for Secular Congregations: Transformations of the Mosque as a Social Space in Turkey. *Journal of Architectural and Planning Research*, 336-358.

- Parkin, D. (2018). Inside and Outside the Mosque: A Master Trope. In *Islamic prayer across the Indian ocean* (pp. 1-22). Routledge.
- Raj, R. (2012). Religious Tourist's Motivation for Visiting Religious sites. *International Journal of Tourism Policy*, 4(2), 95-105.
- Rasdi, M. T. M., & Utaberta, N. (2012). The Design of Mosques as Community Development Centers from the Perspective of the Sunna and Wright's Organic Architecture. *Journal of Islamic Architecture*, 1(1).
- Razak, A. A., et. al. (2014). Economic Significance of Mosque Institution in Perak State, Malaysia. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 7(7), 98-109.
- Triandafyllidou, A., & Gropas, R. (2009). Constructing Difference: The Mosque Debates in Greece. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 35(6), 957-975.
- Zaidi, S. H. (2014). Physician's Oaths and Lessons from Masters. In *Ethics in Medicine* (pp. 241-254). Springer, Cham.
- Zhai, B., & Ng, M. K. (2013). Urban Regeneration and Social Capital in China: A Case Study of the Drum Tower Muslim District in Xi'an. *Cities*, 35, 14-25.
-

AUTHOR'S BIOGRAPHY

Abur Hamdi Usman, seorang ahli akademik yang telah memperolehi gelaran Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Hadis dan Ilmu-Ilmunya di Jabatan Usuluddin dari Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir. Seterusnya beliau telah berjaya memperoleh ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Tafsir dan Pemikiran Islam di Jabatan Usuluddin dan Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kini beliau berkhidmat di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) selaku Pensyarah Kanan dan sebagai Ketua Unit Hadis dan Penyelidikan di Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD). Kepakaran beliau dalam dunia penulisan dapat dibuktikan dengan puluhan karya tulis yang telah dihasilkan, sama ada dalam bentuk buku, seperti *Dinamika Kajian Turath: Antologi Kehujahan Hadis*. Begitu juga dengan artikel dalam Jurnal berindeks Scopus dan antarabangsa, seperti: *Interaction with Prophetic Tradition: A Review of al-Qaradawi's Thought*, *Rise and Fall of Development: How does Hadith Views on Economic System?*, *The Intellectuality of Al-Dihlawi: A Review on His Contribution in Science of Prophetic Tradition*, *Hujjat Allah Al-Balighah: The Uniqueness of Shah Wali Allah Al-Dihlawi's Work*, dan lain sebagainya. Beliau boleh dihubungi di: aburhamdi@kuis.edu.my

